



## MAJLIS PERBARISAN TAMAT LATIHAN KURSUS SAINS KEBOMBAAN (KSSK) SIRI 1/2019



Pada 17 Disember 2019, YB Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Sains Kebombaan (KSSK) Siri 1/2019 di Akademi Jabatan Bomba dan

Penyelamat Malaysia (JBPM), Marang, Terengganu. Turut hadir dalam majlis ini ialah Datuk Haji Zamri bin Salleh, TKSU (P) dan YAS Dato' Mohammad Hamdan bin Haji Wahid, Ketua Pengarah JBPM.

Majlis ini bertujuan menyampaikan sijil tamat latihan kepada 689 orang pelatih bomba baharu yang telah menamatkan Kursus Sijil Sains Kebombaan (KSSK) Siri 1/2019 dengan jayanya. Daripada jumlah tersebut, seramai 44 orang adalah pelatih wanita manakala 645 orang adalah pelatih lelaki. Buat pertama kali ia tercatat dalam sejarah JBPM kerana jumlah tersebut merupakan jumlah tertinggi dalam kursus tersebut.

YB Zuraida mengucapkan tahniah kepada pelatih-pelatih baharu yang telah berjaya menamatkan kursus tersebut dalam ucaptama beliau. Sesungguhnya latihan 4 1/2 bulan ni dapat membentuk keperibadian yang unggul, dilengkapi dengan nilai teras keberanian dan ciri tidak mementingkan diri serta ciri penyelamat yang kompeten.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada ibu bapa pelatih kerana merestui anak-anak mereka untuk berkecimpung dalam bidang kebombaan ini. Beliau berharap pelatih baharu ini akan terus memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan kepada masyarakat dan negara.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat